

10 JUN 2003

Melaka-PBT

TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEGAWAI GAGAL LAKSANA TUGAS

MELAKA, 10 Jun (Bernama) -- Kerajaan Negeri akan bertindak tegas terhadap pegawai-pegawai kerajaan termasuk yang bertugas dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang gagal melaksanakan tugas terhadap rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Wira Poh Ah Tiam berkata mereka terutamanya di PBT diamanahkan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Mereka perlu bekerja dengan rajin dan mengambil inisiatif untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mereka yang gagal jalankan tugas dengan baik, kita serah kepada Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam untuk mengambil tindakan sepatutnya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke rumah pangsa Ujong Pasir di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sedang meneliti aduan-aduan terhadap PBT dan akan menyingkir pegawainya yang gagal menjalankan tugas.

Perdana Menteri kesal kerana ada di kalangan PBT mengabaikan tugas memungut cukai kerana mahu popular dan ada pula yang gagal menyediakan perkhidmatan sepatutnya kepada rakyat.

Sambil memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan sentiasa memastikan para pegawainya memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Poh meminta semua anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) supaya turun ke padang untuk mengetahui masalah rakyat.

Beliau berkata pihak kerajaan tempatan akan mengadakan jadual lawatan ke semua rumah pangsa di negeri itu untuk mengetahui masalah penduduk di kawasan berkenaan dan menyelesaikannya.

"Dalam seminggu, mungkin empat buah rumah pangsa akan kita lawati untuk mengetahui masalah mereka. Pendekatan itu bersifat proaktif kerana kita tidak mahu dikatakan bertindak hanya apabila mendapat aduan," katanya.

Selain rumah pangsa, katanya kerajaan tempatan juga akan mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan perumahan dan kondominium dalam usaha memberikan perkhidmatan sempurna kepada rakyat.

-- BERNAMA

SBS NAK